



MOSTI bangunkan 17 pelan hala tuju teknologi - Dr Adham

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Oktober 17, 2021 @ 11:10am
bhnews@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba. - NSTP/ARKIB

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang membangunkan 17 pelan hala tuju atau 'roadmap' teknologi, antaranya kecerdasan buatan, blok rantai atau 'blockchain', elektrik dan elektronik, bahan termaju, robotik dan vaksin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pelan hala tuju berkenaan selaras dengan 10 pemacu sains dan teknologi serta pemacu sosioekonomi seperti dalam Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MySTIE).

"Sasaran kementerian adalah untuk menjadi negara pengeluar vaksin, menjana RM600 bilion potensi pulangan perdagangan bagi sektor elektrik dan elektronik pada 2025 dan memberi sumbangan signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui bidang yang sudah dikenal pasti.

"Selain itu mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta 5,000 syarikat pemula atau 'startup' menjelang 2025. Bagi memperkasa sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE), kementerian juga menyediakan peruntukan pembiayaan dana penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Dana sebanyak RM500 juta ini disediakan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) menerusi 'Malaysia Grand Challenge' (MGC). MGC adalah usaha bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi negara," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Menerusi RMK-12 juga, katanya, kementerian turut menyasarkan sebanyak 500 bilangan produk atau penyelesaian yang dikomersialkan menerusi Tahun Pengkomersialan Malaysia bagi meningkatkan pendapatan negara.

"Dalam tempoh 2016 hingga 2020, sebanyak RM402 juta hasil jualan sudah direkodkan membabitkan 386 produk R&D yang berjaya dikomersialkan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sasaran diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk menjadikan Malaysia negara berteknologi menjelang 2030 selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Katanya, KDNK Malaysia menunjukkan perkembangan pesat, daripada RM204 bilion pada 1991 kepada RM1.34 trilion pada 2020 hasil pelaksanaan berkesan pelbagai dasar negara.

Dr Adham berkata, DSTIN 2021-2030 yang menyasarkan pembangunan ekonomi, peningkatan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat adalah usaha Malaysia bagi mencapai status negara berteknologi tinggi pada 2030.

"Pengukuhan ekosistem sains, teknologi dan inovasi, termasuk R&D menjadi antara fokus utama DSTIN bagi mencapai sasaran 2.5 peratus nisbah perbelanjaan kasar R&D (GERD) terhadap KDNK pada 2025 serta 3.5 peratus pada 2030.

"Ini disokong penjajaran bidang keutamaan R&D negara dengan tumpuan kepada penyelidikan eksperimen selain inisiatif kementerian melalui agensinya bagi memacu usaha pembangunan dan pengaplikasian teknologi tempatan dalam kalangan penggiat industri, seterusnya membantu negara mendepani Revolusi Perindustrian Keempat," katanya.